

H1N1 cecah 1,000 kes

54 lagi kes baru dilaporkan di seluruh negara semalam

KUALA LUMPUR - Jangkitan Influenza A (H1N1) di Malaysia kini mencecah 1,000 kes apabila 54 lagi kes baru dilaporkan di seluruh negara semalam, kata Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Tan Sri Dr Ismail Merican.

Beliau berkata, daripada jumlah kes baru itu 43 kes merupakan kejadian dari tujuh kluster baru, lima daripada kluster sedia ada manakala enam lagi adalah kes terencil termasuk satu kes import.

"Sehingga kini, sebanyak 1,075 kes dicatatkan dengan satu kematian dengan 574 kes atau 53 peratus adalah kes import manakala 501 kes atau 47 peratus kes jangkitan tempatan. Hanya empat kes atau satu peratus sahaja yang sedang menerima rawatan anti-viral di hospital,"



● ISMAIL MERICAN

katanya, semalam.

Beliau menasihatkan orang ramai termasuk pihak pengurusan institusi pendidikan dan tempat kerja supaya lebih peka dan berinformasi mengenai penyakit berjangkit ini.

Ismail juga meminta orang ramai melaporkan segera kepada Jabatan Kesihatan terdekat sekiranya terdapat tanda-tanda orang di sekeliling mereka me-

nampakkan simptom yang menjurus kepada jangkitan H1N1 dan ILI.

Mengenai langkah memperlakukan penularan wabak itu, Ismail berkata, orang ramai perlu patuh beberapa peraturan yang digariskan termasuk mengamalkan kebersihan diri terutama membasuh tangan secara rutin serta mengamalkan duduk berjarak sekurang-kurangnya satu meter dengan individu lain di samping mengurangkan majlis perjumpaan.

"Kes yang bergejala ringan boleh berehat di rumah tetapi perlu sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan jika gejala bertambah teruk, segeralah mendapatkan rawatan,"katanya.

Mengenai kes kedatangan yang berkurangan disebabkan demam, batuk dan



selesema sama ada di sekolah mahupun di tempat kerja, Dr Ismail berkata, perkara itu perlu dilaporkan segera ke Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat.

"Bagi pelajar yang sekolah dan institusi mereka terlibat dengan arahan penutupan sementara, adalah dimaklumkan hanya mereka yang bebas dari tanda-tanda H1N1 atau ILI sahaja yang dibenarkan pulang.

"Bagaimanapun, bagi mereka yang masih ada tanda penyakit itu, kita nasihatkan mereka untuk terus berehat kerana mereka masih mempunyai risiko untuk menularkan virus di kalangan rakan masing-masing,"katanya.